



NEGERI BRUNEI

E 21 TAHUN 1972

UNDANG2 PERLINDONGAN BAGI  
PEREMPUAN2 DAN GADIS2, 1972

Beta bersetuju



HASSANAL BOLKIAH  
*Sultan*

*Satu Undang2 berhubung dengan perlindungan bagi perempuan2 dan gadis2 dan mengadakan syarat2 untok menghapuskan rumah2 pelachoran.*

[19hb April, 1973]

ADA-LAH DI-PERBUAT oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan dengan nasehat dan persetujuan Majlis Mashuarat Negeri saperti berikut :—

**Gelaran Pendek.** 1. Undang2 ini boleh di-gelar sabagai Undang2 Perlindungan bagi Perempuan2 dan Gadis2, 1972.

## Tafsiran.

2. Dalam undang2 ini, melainkan ada apa2 yang bertentangan tentang kandongan-nya :—

“rumah pelachoran” berma’ana rumah atau tempat yang di-diami atau di-gunakan oleh dua atau lebeh orang perempuan atau gadis untuk maksud pelachoran;

“tuan-punya” rumah berma’ana orang yang pada masa itu menerima sewa rumah itu sama ada bagi diri-nya sendiri atau sabagai wakil atau pemegang amanah bagi pehak orang lain, atau yang boleh menerima sewa jika rumah itu di-sewakan kapada saorang penyewa;

“penghuni” suatu tempat berma’ana penyewa, penyewa kechil atau pemajak-nya atau sabarang orang yang menjaga tempat itu sama ada ia sebenar-nya mendiami-nya dan sama ada ia mempunyai kuasa untuk menyewakan-nya atau tidak;

“tempat” berma’ana sabarang bangunan, rumah, pejabat, rumah pangsa, bilek atau bilek kechil atau sa-bahagian daripada-nya, dan sabarang kawasan yang terbuka atau tertutup dan termasuk-lah kapal, bot atau sabarang kapal kechil, sama ada yang beranyut atau terapong2 atau tidak, dan sabarang kenderaan;

“tempat keselamatan” berma’ana sabarang tempat keselamatan yang di-tubuhkan dibawah sharat2 bab 13 dari Undang2 ini;

“Pesurohjaya” berma’ana Pesurohjaya Kebajikan Negara dan termasuk-lah orang2 yang di-ishtiharkan oleh Menteri Besar dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan* sabagai mempunyai kuasa2 yang di-beri kapada Pesurohjaya oleh Undang2 ini;

“pelachor” berma’ana sa-saorang perempuan yang menawarkan tuboh badan-nya untuk di-persetubohi kapada sesiapa jua kerana mendapat upah, sama ada berupa wang atau barang;

“perkahwinan” berma’ana sabarang perkahwinan yang sah menurut sabarang undang<sup>2</sup>, ugama, adat atau resam yang di-akui di-Negeri ini.

Menjual atau menyewa untok maksud pelachoran.

3. (1) Barang siapa yang —

(a) menjual, membenarkan untok di-sewa atau sa-balek-nya menguruskan atau membeli atau menyewa atau dengan se-chara lain memileki sabarang perempuan atau gadis dengan niat supaya perempuan atau gadis itu akan di-beri pekerjaan atau di-pergunakan untok maksud pelachoran sama ada di-dalam atau di-luar negeri, atau mengetahui atau ada sebab untok memperchayai bahawa perempuan atau gadis itu akan di-gajikan atau di-gunakan sedemikian; atau

(b) mendapatkan mana<sup>2</sup> perempuan atau gadis yang berumor di-bawah 21 tahun, atau sabarang perempuan atau gadis yang berumor 21 tahun atau lebeh yang menjadi pelachor atau yang di-ketahui luchah pekerti-nya, sama ada di-dalam atau di-luar Negeri ini, bagi perhubung-an hawa nafsu kechuali sechara perkahwinan dengan saorang yang lain, atau untok maksud pelachoran sama ada di-dalam atau di-luar Negeri ini; atau

(c) dengan ugutan atau menakut<sup>2</sup>kan mendapatkan sabarang perempuan atau gadis untok membuat perhubungan hawa nafsu sama ada di-dalam atau di-luar Negeri ini, kechuali sechara perkahwinan dengan sabarang orang lelaki; atau

Daleh palsu d.l.l.

(d) dengan atau di-bawah sabarang daleh palsu, alasan palsu, atau chara<sup>2</sup> menipu atau berdusta yang di-lakukan-nya atau di-pergunakan-nya sama ada di-dalam

atau di-luar Negeri ini, membawa atau menolong membawa sabarang perempuan atau gadis dengan niat supaya perempuan atau gadis itu akan di-gaji atau di-gunakan untok maksud pelachoran sama ada di-dalam atau di-luar Negeri ini, atau mengetahui atau ada sebab untok memperchayai bahawa perempuan atau gadis itu akan di-gaji atau di-gunakan sedemikian itu; atau

**Melindongi.**

- (e) membawa masok ka-dalam Negeri ini, menerima atau melindongi sabarang perempuan atau gadis yang berumor di-bawah 21 tahun atau sabarang perempuan atau gadis yang berumor 21 tahun atau lebeh yang bukan pelachor atau tidak luchah pekerti-nya, mengetahui atau ada sebab untok memperchayai bahawa perempuan atau gadis itu telah di-perolehi untok perhubungan hawa nafsu, kechuali sechara perkahwinan dengan sabarang orang lain, atau untok pelachoran sama ada di-dalam atau di-luar Negeri ini dan dengan niat membantu maksud itu; atau
- (f) mengetahui atau ada sebab untok memperchayai bahawa sabarang perempuan atau gadis yang telah di-perolehi dengan jalan ugutan atau chara menakutkan untok perhubungan hawa nafsu, kechuali sechara perkahwinan, sama ada di-dalam atau di-luar Negeri ini, menerima atau melindongi perempuan atau gadis tersebut dengan niat untok membantu maksud itu; atau
- (g) mengetahui atau ada sebab untok memperchayai bahawa sabarang perempuan atau gadis telah di-bawa masok ka-dalam Negeri ini sechara yang melanggar perenggan (d), atau telah di-jual atau di-beli sechara yang melanggar perenggan (a), menerima atau melindongi

perempuan atau gadis tersebut dengan niat bahawa ia akan di-gaji atau di-gunakan untuk maksud pelachoran sama ada di-dalam atau di-luar Negeri ini; atau

**Tahanan di-rumah pelachoran.**

(h) menahan sabarang perempuan atau gadis dalam sabuah rumah pelachoran bertentangan dengan kemahuan-nya; atau

**Tahanan di-sabarang tempat untuk pelachoran dll.**

(i) menahan sabarang perempuan atau gadis di-sabarang tempat bertentangan dengan kemahuan-nya niat supaya ia boleh di-gaji atau di-gunakan untuk maksud pelachoran atau untuk maksud2 haram atau lachor; atau

**Perhubungan hawa nafsu dengan gadis di-bawah umur 16 tahun.**

(j) melakukan perhubungan hawa nafsu dengan sabarang gadis yang berumur di-bawah enam belas tahun kechuali se-chara perkahwinan; atau

**Menchuba.**

(k) chuba melakukan sabarang perbuatan yang melanggar bab ini,

akan di-kenakan hukuman penjara dari salah satu jenis selama tiga tahun atau denda sabanyak lima ribu ringgit, atau kedua2-nya.

**Pesalah lelaki boleh di-sebat.**

(2) Sebarang lelaki yang thabit kesalahan di-bawah cheraian (1) (a), (b), (c), (d), (e), (f) atau (g) boleh, dengan pertimbangan Mahkamah dan sabagai tambahan kepada sabarang hukuman lain yang boleh di-kenakan mengenai kesalahan yang sedemikian itu, di-hukum supaya di-sebat.

**Anggapan2.**

(3) Untuk maksud2 bab ini ada-lah di-anggap, sahingga sebak-nya di-buktikan, bahawa —

(a) sa-saorang yang membawa atau menyebabkan sabarang perempuan atau gadis di-bawa ka-dalam rumah pelachoran telah menguruskan perempuan atau gadis itu dengan niat atau pengetahuan dalam cheraian (1) (a) yang tersebut;

- (b) sa-saorang yang menerima sabarang perempuan atau gadis ka-dalam rumah pelachoran atau melindongi sabarang perempuan atau gadis dalam rumah pelachoran telah memileki perempuan atau gadis itu dengan niat atau pengetahuan dalam cheraian (1) (a) yang tersebut;
- (c) sa-saorang yang menahan saorang perempuan atau gadis dalam rumah pelachoran atau dalam sabarang tempat bertentangan dengan kemahuan-nya jika, dengan niat hendak memaksa atau mendorong ia tinggal di-dalam-nya, orang itu —
  - (i) menahan sabarang alat pakaian perempuan atau gadis itu atau lain2 harta kepunyaan-nya atau sabarang pakaian yang biasa atau terakhir sekali di-pakai oleh-nya; atau
  - (ii) jika pakaian telah di-pinjamkan atau di-sediakan kapada perempuan atau gadis itu, mengugut perempuan atau gadis itu dengan tindakan2 undang2 jika ia-nya membawa keluar pakaian tersebut; atau
  - (iii) mengugut perempuan atau gadis itu dengan tindakan2 undang2 untuk mendapatkan balek sabarang hutang atau menggunakan sabarang apa jua pun ugutan yang lain.

(4) Ada-lah belaan yang menchukopi terhadap sabarang tudohan di-bawah cheraian (1) (j) jika orang yang di-tudoh itu mempunyai sebab yang munasabah untuk memperchayai bahawa gadis itu berumur 16 tahun atau lebeh.

**Memperdagang perempuan2 dan gadis2.**

4. (1) Barang siapa yang membeli, menjual, mendapatkan, memperdagangkan, atau mengimpot ka-

dalam Negeri untok maksud perdagangan tersebut, dan sama ada atau tidak untok maksud pelachoran pada masa itu atau kemudian-nya sabarang perempuan atau gadis, akan di-kenakan hukuman penjara dari salah satu jenis selama tiga tahun atau denda sabanyak lima ribu ringgit, atau kedua2-nya.

(2) Tiada sesiapa pun akan di-tudoh melakukan kesalahan di-bawah bab ini jika ia memuaskan hati Pesurohjaya bahawa perempuan atau gadis yang di-bawa masok atau keluar Negeri oleh-nya atau yang akan di-bawa masok atau keluar Negeri ini oleh-nya telah di-bawa masok atau keluar Negeri ini atau akan di-bawa masok atau keluar Negeri ini untok maksud perkahwinan atau di-jadikan anak angkat dan bahawa perkahwinan atau pengambilan anak angkat itu boleh di-laksanakan atau di-buat dan telah atau akan di-laksanakan atau di-buat menurut undang2 dan adat2 yang berkuatkuasa pada masa itu di-Negeri ini.

**Hidup dengan  
atau mem-  
perniagakan  
pelachoran.**

5. (1) Barang siapa yang —

- (a) dengan setahu-nya membiayai hidupnya pada keselurohan atau sa-bahagian dari hasil2 pendapatan pelachoran orang lain; atau
- (b) pada di-sabarang tempat awam mengajak bersundal atau mendesak dengan bersungguh2-nya bagi pehak saorang perempuan atau gadis, bagi maksud2 lachor,

akan di-kenakan hukum penjara dari salah satu jenis selama tiga tahun atau denda sabanyak lima ribu ringgit, atau kedua2-nya.

**Hukuman Sebat**

(2) Sabarang lelaki yang thabit kesalahan di-bawah bab ini boleh, dengan pertimbangan Mahkamah dan sabagai tambahan kapada sabarang hukuman penjara yang di-jatohkan mengenai kesalahan yang sedemikan itu, di-hukum supaya di-sebat.

**Anggapan2.**

(3) Jika sabarang orang di-boktikan diam bersama2 atau biasa-nya berdamping dengan saorang

pelachor atau di-boktikan telah menjalankan kawalan, arahan atau pengaruh di-atas gerak geri saorang pelachor dengan sechara yang menunjukkan bahawa ia ada-lah membantu, bersubahat atau memaksa pelachoran-nya dengan sabarang orang lain atau pada 'am-nya, ia akan, kechuali ia boleh memuaskan Mahkamah akan hal yang sebalek-nya, di-anggap dengan setahu-nya membiayai hidup-nya dari hasil2 dengan pendapatan pelachoran.

(4) Jika saorang Majistret setelah di-beri tahu mempunyai sebab untok menshakki bahawa sabarang rumah atau sa-bahagian dari rumah ada-lah di-gunakan oleh saorang perempuan untok maksud pelachoran dan bahawa sabarang orang yang diam atau selalu berulang ka-rumah itu ada-lah membiayai hidup-nya pada keselurohan-nya atau sa-bahagian-nya dengan hasil2 pendapatan pelachor itu, maka Majistret itu boleh mengeluarkan waran membenarkan sabarang pegawai polis untok memasuki dan memeriksa rumah itu dan menangkap orang tersebut.

Menghapuskan  
rumah  
pelachoran.

6. Barang siapa yang —

- (a) menyimpan atau mengurus atau melakukan atau menolong dalam pengurusan rumah pelachoran; atau
- (b) selaku penyewa, pemajak, penghuni, atau orang yang menjaga sabarang bangunan, dengan satahu-nya membenarkan bangunan itu atau sa-bahagian daripadanya untok di-gunakan sabagai rumah pelachoran; atau
- (c) selaku tuan-punya sabarang bangunan, atau wakil tuan-punya itu, menyewakan bangunan itu atau sa-bahagian daripadanya dengan mengetahu-nya bahawa bangunan itu atau sa-bahagian daripadanya akan di-gunakan sabagai rumah pelachoran, atau dengan sengaja menyertai penggunaan yang terus menerus akan bangunan itu atau sa-bahagian



daripada-nya sabagai rumah pelachoran;

akan di-kenakan hukuman penjara selama enam bulan atau denda sabanyak lima ratus ringgit, atau kedua2-nya; dan bagi kesalahan-nya kali yang kedua dan yang kemudian-nya akan di-kenakan hukuman penjara selama tiga tahun atau denda sabanyak lima ribu ringgit, atau kedua2-nya. Sabarang orang yang menjadi penyewa, pemajak, penghuni atau orang yang menjaga sabarang tempat yang menyewakan tempat itu atau sabahagian daripada-nya ada-lah, dengan tidak menghiraukan penyewaan tersebut, bersalah di-bawah bab ini jika tempat itu atau sabahagian daripada-nya ada-lah di-gunakan sabagai tempat pelachoran, melainkan ia membokti bahawa ia tidak tahu yang tempat itu atau sabahagian daripada-nya di-gunakan sabagai tempat pelachoran.

**Menamatkan penyewaan bangunan apabila thabit kesalahan kerana membenarkan ia-nya di-gunakan sa-bagai tempat pelachoran, dll.**

7. Apabila thabit kesalahan, sa-lepas berjalannya kuat-kuasa Undang2 ini, penyewa, pemajak atau penghuni sabarang bangunan kerana sabarang kesalahan di-bawah perenggan (a), atau (b) dari bab 6 mengenai bangunan yang demikian atau sabahagian daripada-nya maka tuan-punya itu berhak menghendaki orang yang thabit kesalahan-nya itu untuk menyerahkan pajak atau lain2 konterek penyewaan yang dengan-nya bangunan2 tersebut di-pegang kapada orang2 yang di-benarkan oleh tuan-punya (kebenaran yang mana tidak akan ditahan dengan tiada sebab2 yang munasabah) atau menyerahkan hak pegangan ka-atas bangunan2 itu kapada tuan-punya, dan sekira-nya orang yang bersalah itu gagal dalam tempoh sa-bulan menyerahkan pajak atau lain2 konterek penyewaan atau menyerahkan hak pegangan saperti yang tersebut di-atas; tuan-punya akan berhak menamatkan pajak atau lain2 konterek penyewaan tetapi dengan tidak menyentuh hak2 atau penggantian2 bagi sabarang pihak yang membuat pajak atau konterek itu yang terdapat pada tarikh sebelum penamatan tersebut. Jika tuan-punya hendak menamatkan pajak atau lain2 konterek penyewaan itu, maka Mahkamah yang telah menthabitkan kesalahan penyewa, pe-

majak atau penghuni itu ada-lah berkuasa untuk membuat perintah terus bagi penyerahan hak kepada tuan-punya itu.

Pembicharaan tertutup dalam perkara<sup>2</sup> yang tertentu.

8. (1) Apabila sabarang orang di-tudoh atau thabit kesalahan kerana melakukan sabarang kesalahan yang melanggar Undang<sup>2</sup> ini atau Bab 354 atau 375, atau Bab 354 dan 511 atau Bab 375 dan 511 dari Kanun Hukuman Jenayah mengenai sabarang perempuan atau gadis, maka Mahkamah :

- (a) yang menjalankan penyelidekan permulaan; atau
- (b) yang membicharakan kesalahan tersebut; atau
- (c) yang mendengar sabarang rayuan; atau
- (d) yang mendengar sabarang perkara yang yang belum di-putuskan oleh Hakim Mahkamah Tinggi atau oleh Magistret;

boleh memerentahkan supaya segala pembicharaan di-hadapan-nya hendak-lah di-jalankan sechара tertutup.

(2) Apabila perintah yang sedmikian itu dibuat, Mahkamah itu tidak akan di-anggap sabagai Mahkamah terbuka, dan Mahkamah itu hendak-lah memerentahkan supaya tiada sa-siapa pun boleh masok atau berada dalam Mahkamah itu kechuali orang<sup>2</sup> yang perlu untuk maksud pembicharaan<sup>2</sup> itu.

(3) Mahkamah itu hendak-lah memerentahkan supaya pembicharaan<sup>2</sup> di-hadapan-nya di-jalankan sechара tertutup dalam sabarang perkara jika sesuatu kesalahan di-bawah Bahagian ini dari Undang<sup>2</sup> ini, atau di-bawah bab 354 atau 375, atau bab<sup>2</sup> 354 dan 511, atau bab<sup>2</sup> 375 dan 511 dari Kanun Hukuman Jenayah di-tudoh telah di-lakukan terhadap gadis yang belum menchapai umur enam belas tahun.

(4) Berita surat khabar mengenai pembicharaan di-bawah Bahagian ini dari Undang<sup>2</sup> ini di-dalam

sabarang Mahkamah tidak boleh menyatakan nama atau alamat, atau mengandongi sabarang bukti yang di-sifatkan boleh mengenal sabarang perempuan atau gadis terhadap siapa kesalahan itu ditudoh telah di-lakukan dan juga tiada sabarang gambar akan di-siarkan dalam sabarang surat khabar sabagai atau mengandongi gambar perempuan atau gadis tersebut.

(5) Barang siapa yang menyiarkan sabarang perkara yang melanggar bab ini akan bersalah dan akan di-kenakan, jika thabit kesalahan, hukuman penjara selama tidak lebeh dari sa-tahun atau denda yang tidak lebeh dari sa-ribu ringgit atau kedua2-nya penjara dan denda.

**Pembicharaan  
atas kesalahan2.**

9. Tiada da'awaan boleh di-buat bagi sabarang kesalahan yang melanggar Undang2 ini tanpa kebenaran yang terlebih dahulu daripada Pendakwa Raya atau Timbalan-nya.

**Tahanan se-  
mentara  
menunggu pem-  
bicharaan2  
kehakiman.**

10. (1) Sabarang Mahkamah yang menyelidek atau membicharakan sesuatu kesalahan yang boleh di-hukum di-bawah Undang2 ini atau di-bawah bab2 354, 375 atau 498 dari Kanun Hukuman Jenayah atau yang di-tafsirkan dalam bab2 360 atau 361 dari Kanun Hukuman Jenayah memerentahkan sabarang perempuan atau gadis terhadap siapa kesalahan itu ditudoh telah di-lakukan supaya ditahan buat sementara sahingga di-putuskan pembicharaan2 terhadap orang yang di-tudoh itu.

(2) Jika sabarang perintah ada di-buat di-bawah cheraian (1) maka Pesurohjaya hendak-lah menerima perempuan atau gadis itu dan hendak-lah menempatkan-nya di-tempat yang selamat dan menahan-nya di-situ selama yang di-perentahkan oleh Mahkamah atau sehingga di-putuskan pembicharaan.

**Pesurohjaya  
boleh memereksa  
perempuan2 dan  
gadis2 dan orang  
yang menjaga  
mereka.**

11. (1) Pesurohjaya atau sabarang orang yang diberi kuasa kerana-nya oleh Pesurohjaya sechара bertulis boleh menghendaki sabarang perempuan atau gadis dan sabarang orang yang nampak-nya menjaga atau mengawal perempuan atau gadis itu

hadzir di-hadapan Pesurohjaya pada bila2 masa yang munasabah dan di-sabarang tempat yang sesuai dan Pesurohjaya boleh memeriksa perempuan tersebut tentang sebab2 dia masok atau berada di-Negeri ini atau boleh memeriksa orang tersebut mengenai perempuan atau gadis itu dan orang itu akan terikat di-sisi Undang2 untok menjawab soal-an2 itu dengan benar-nya seberapa yang mereka terdaya.

(2) Jika Pesurohjaya ada mempunyai sebab2 yang munasabah untok memperchayai bahawa sa-barang perempuan atau gadis —

- (a) telah di-bawa masok ka-dalam Negeri ini sama ada sa-telah di-beli atau se-chara tipu, alasan palsu atau sabarang daleh palsu untok maksud pelachoran atau di-hantar dari Negeri ini; atau
- (b) telah di-beli sama ada di-dalam atau di-luar Negeri ini untok maksud di-lateh atau di-uruskan sabagai pelachor; atau
- (c) ada-lah di-tahan bertentangan dengan kemahuan-nya untok maksud pelachoran atau di-hantar keluar Negeri ini untok maksud pelachoran;

maka ia boleh menghendaki mana2 orang yang nampak-nya menjaga atau mengawal-nya untok memberi kapada-nya beberapa keping gambar-nya dan gambar orang itu sendiri dan memberi jaminan yang memuaskan Pesurohjaya bahawa perempuan atau gadis itu tidak akan meninggalkan Negeri ini tanpa kebenaran bertulis yang terlebih dahulu daripada Pesurohjaya, dan tidak akan di-lateh atau di-uruskan sabagai pelachor atau bagi maksud pelachoran, dan tidak akan sama-ada sechara pengambilan anak angkat atau sabalek-nya dipindahkan kapada penjagaan sabarang orang lain tanpa kebenaran bertulis yang terlebih dahulu daripada Pesurohjaya, dan bahawa ia akan di-bawa ka-hadapan Pesurohjaya bila2 ia menghendaki-nya.

(3) Sekira-nya engkar memberi gambar2 dan jaminan tersebut, Pesurohjaya boleh, dengan waran yang di-tanda-tangani-nya, memerentahkan perempuan atau gadis itu di-pindahkan ka-tempat keselamatan dan di-tahan di-situ sahingga ia dapat di-hantar balek ka-tempat dari mana ia telah di-bawa atau sahingga lain2 persediaan yang sempurna dapat di-buat untok perlindungan-nya.

**Jaminan apakala perempuan atau gadis berlepas dari Negeri.**

12. (1) Bilamana Pesurohjaya berpendapat bahawa ada-lah bagi kepentingan perempuan atau gadis itu saperti yang di-nyatakan dalam bab 11 bahawa perempuan atau gadis tersebut patut-lah di-benarkan meninggalkan Negeri ini, maka Pesurohjaya boleh memberi kebenaran tersebut apabila di-berikan gambar2 yang mungkin di-kehendaki-nya dan apabila di-berikan jaminan yang memuaskan-nya bahawa orang yang nampak-nya menjaga atau mengawal perempuan atau gadis itu akan membawa perempuan atau gadis itu ka-hadapan pegawai Kerajaan dalam tempoh dan pada tempat saperti yang di-tentukan dalam jaminan tersebut.

(2) Pemberian jaminan tambahan yang sedemikian tidak melepaskan mana2 orang yang memberi jaminan yang di-kehendaki oleh Bab 11 daripada sabarang tanggungan di-bawah syarat jaminan yang di-buat di-bawah Bab itu selain daripada syarat berkenaan dengan meninggalkan Negeri ini, melainkan Pesurohjaya mendapat jaminan baharu menurut syarat2 yang di-tentukan dalam Bab 11.

(3) Surat pengakuan yang di-tanda-tangan oleh Pegawai Kerajaan yang di-sebutkan dalam cheraian (1) bahawa perempuan atau gadis itu telah tidak di-bawa ka-hadapan-nya ada-lah dalam sabarang pembicharaan2 undang2 menjadi keterangan bokti yang pasti bagi maksud itu, melainkan Mahkamah itu menghendaki pegawai tersebut di-panggil sebagai saorang saksi.

**Sharat bagi pemeliharaan tempat2 keselamatan.**

13. (1) Mentri' Besar boleh mengadakan tanah yang perlu dan mendirikan di-atas-nya bangunan2 yang sesuai sabagai tempat keselamatan untok mak-

sud melaksanakan syarat2 Undang2 ini dan boleh membayar perbelanjaan penjagaan, pemeliharaan dan pelajaran untuk semua perempuan dan gadis yang di-tahan di-dalam-nya.

(2) Sabarang bangunan yang di-dirikan dalam Negeri ini sabagai tempat keselamatan di-bawah syarat2 Bab ini hendak-lah di-ishtiharkan oleh Menteri Besar, dengan kenyataan dalam *Warta Kerajaan*, menjadi tempat keselamatan untuk maksud melaksanakan syarat2 Undang2 ini, dan tiada tempat yang tidak di-ishtiharkan sedemikian itu akan di-gunakan sabagai tempat keselamatan untuk maksud Undang2 ini.

Gadis bawah umur 21 tahun yang di-gunakan atau di-lateh untuk maksud2 lachor, dll.

14. (1) Jika Pesurohjaya mempunyai sebab yang munasabah untuk memperchayai bahawa sabarang gadis di-bawah umur 21 tahun sedang di-lateh atau di-gunakan untuk maksud2 lachor atau diam di-dalam atau selalu berulang alek ka-sabarang rumah pelachoran atau biasa berada dalam kumpulan pelachor2 atau penjaga2 rumah pelachoran atau barua2 atau orang2 yang bekerja atau diam dalam rumah pelachoran atau orang2 yang berkepentingan sechara langsung dalam perniagaan yang di-jalankan dalam rumah pelachoran atau oleh pelachor2, maka ia boleh, dengan waran yang di-tanda-tangan-nya, memerintah supaya gadis itu di-pindahkan katempat keselamatan dan di-tahan buat sementara di-situ sahingga penyelidekan telah di-adakan oleh-nya.

Tahanan sa-lepas penyelidekan.

(2) Jika sa-lepas di-adakan penyelidekan Pesurohjaya berpuas hati bahawa gadis itu termasuk dalam gulongan cheraian (1) maka ia boleh, dengan waran yang di-tanda-tangan-nya, memerintah supaya gadis itu di-tahan di-tempat keselamatan sahingga ada perintah yang selanjut-nya atau hingga ia menchapai umur 21 tahun atau berkahwin, yang mana berlaku dahulu. Dengan syarat bahawa sabagai ganti perintah tahanan yang tersebut di-atas, Pesurohjaya boleh melepaskan gadis itu sa-telah di-buat persediaan2 yang Pesurohjaya fikir perlu untuk kebajikan-nya dalam masa yang ia sepatut-nya boleh di-tahan.

Pesurohjaya boleh memerintah tahanan perempuan atau gadis dalam perkara2 yang tertentu.

15. Pesurohjaya boleh, dengan waran yang ditanda-tangani-nya memerintahkan penahanan dalam tempat keselamatan akan sabarang perempuan atau gadis.

- (a) yang penahanan-nya dalam sa-sabuah tempat keselamatan ada-lah di-minta dengan bertulis oleh penjaga-nya yang sah;
- (b) yang Pesurohjaya fikir perlukan perlindungan dan penjaga-nya yang sah tidak boleh di-jumpai;
- (c) yang Pesurohjaya perchaya telah dianiayai dan memerlukan perlindungan; atau
- (d) yang Pesurohjaya fikir merbahaya akhlak-nya.

Perempuan2 dan gadis yang di-tahan terta'alok kepada atoran2

16. (1) Tiap2 perempuan atau gadis yang di-tahan di-bawah Undang2 ini hendak-lah terta'alok kepada Atoran2 sabagaimana yang di-tentukan oleh Pesurohjaya.

(2) Tiap2 perempuan atau gadis yang di-tahan atau yang di-perintah untok di-tahan di-bawah Undang2 ini yang meninggalkan sabarang tempat yang ia di-tahan selain dari menurut Atoran2 tersebut boleh di-tangkap dan di-bawa balek ka-tempat tersebut oleh mana2 pegawai polis atau oleh mana2 pegawai yang di-beri kuasa bagi-nya sama ada se-chara khas atau 'am oleh Pesurohjaya.

Menolong melarikan diri.

(3) Mana orang yang memujuk atau menolong sabarang perempuan atau gadis yang di-tahan sabagaimana yang tersebut di-atas untok melarikan diri dari tempat yang ia di-tahan, selain dari menurut Atoran2 tersebut, boleh di-kenakan hukuman denda sa-banyak tiga ratus ringgit, atau penjara selama tiga bulan, atau kedua2-nya.

Memindahkan perempuan atau gadis ka-tempat keselamatan.

17. Tiap2 perempuan atau gadis yang di-tahan dalam tempat keselamatan di-bawah Undang2 ini boleh di-pindahkan dengan perintah Pesurohja-

ya dari tempat ke-selamatan tersebut ka-tempat keselamatan yang lain dan perintah pemindahan tersebut boleh di-jalankan sechara yang di-tentukan dalam perintah tersebut.

Pesurohjaya boleh mengarah orang2 supaya di-gambar dan di-ambil chap jari.

18. Manakala Pesurohjaya, salepas penyelidekan, mempunyai sebab untuk memperchayai bahawa pelanggaran terhadap sabarang sharat2 dari Undang2 ini akan atau telah di-lakukan oleh sabarang orang, maka Pesurohjaya boleh mengarahkan supaya orang itu di-gambar dan chap jari-nya di-ambil pada masa dan tempat dan sechara yang Pesurohjaya fikirkan patut, dan orang yang di-arahkan itu hendak-lah rela untuk di-gambar dan di-ambil chap jari-nya pada masa dan tempat dan sechara yang Pesurohjaya fikirkan patut, dan jika engkar berbuat demikian boleh di-kenakan hukuman denda sa-banyak tiga ratus ringgit atau hukuman penjara selama enam bulan atau kedua2-nya.

Kuasa memanggil dan menyoal orang2 dalam keadaan yang tertentu.

19. (1) Pesurohjaya boleh memanggil mana2 orang yang ia mempunyai sebab untuk memperchayai boleh memberi sabarang keterangan —

- (a) mengenai sabarang perempuan atau gadis yang ia mempunyai sebab yang munasabah untuk memperchayai boleh atau mungkin boleh di-selenggarakan di-bawah Bab2 11, 14 atau 15; atau
- (b) mengenai sabarang bangunan atau sa-bahagian daripada-nya yang ia mempunyai sebab yang munasabah untuk memperchayai ada-lah atau sedang digunakan sabagai rumah pelachoran atau untuk maksud pelachoran yang tetap.

(2) Orang yang di-panggil itu hendak-lah hadir pada waktu dan tempat yang di-tentukan dalam surat panggilan itu dan hendak-lah menunjukkan segala dokumen yang ada dalam simpanan-nya, pegangan atau kuasa-nya mengenai perempuan atau gadis atau bangunan atau sa-bahagian daripada-nya itu, mengikut sabagaimana keadaan-nya, dan hen-



dak-lah menjawab dengan benar-nya semua soalan yang Pesurohjaya mungkin tanyakan kepada-nya mengenai sabarang perempuan atau gadis atau bangunan<sup>2</sup> atau sa-bahagian daripada-nya itu atau sabarang apa jua yang berhubong dengan perkara yang sedang di-siasat, dan jika penyiasatan itu mengenai sabarang perempuan atau gadis, maka orang itu hendak-lah juga, jika di-kehendaki oleh Pesurohjaya untok berbuat demikian, mengadakan perempuan atau gadis itu jika tiada alasan yang munasabah, maka terpulang-lah kepada orang itu untok mengadakan bukti-nya.

(3) Pesurohjaya hendak-lah pada sabarang penyiasatan yang di-adakan oleh-nya, membuat chatatan<sup>2</sup> yang lengkap mengenai keterangan bokti yang di-ambil oleh-nya dalam penyiasatan itu dan keputusan-nya mengenai penyiasatan tersebut dan hendak-lah memberi kepada Mahkamah Tinggi satu salinan chatatan<sup>2</sup> itu apabila di-minta berbuat demikian dengan perintah Hakim Mahkamah tersebut, menghapuskan daripada salinan itu nama sabarang orang daripada siapa kenyataan itu diperolehi jika ia fikirkan patut untok berbuat demikian.

(4) Pesurohjaya hendak-lah di-sifatkan sabagai pegawai awam dalam erti kata Kanun Hukuman Jenayah dan boleh mentadbirkan pengakuan atau sumpah dan menyoal dengan pengakuan atau sumpah sabarang orang yang di-panggil di-hadapannya untok maksud<sup>2</sup> Undang<sup>2</sup> ini.

(5) Sabarang orang yang di-panggil yang mungkir hadzir pada waktu dan tempat yang ditentukan dalam surat panggilan atau melakukan sabarang perbuatan<sup>2</sup> lain yang di-sebutkan dalam cheraian (2) boleh di-kenakan hukuman denda sabanyak tiga ratus ringgit.

(6) Pesurohjaya tidak boleh di-paksa dalam sabarang pembicharaan kehakiman untok menjawab sabarang pertanyaan tentang alasan<sup>2</sup> bagi keputusan-nya dalam sabarang perkara yang di-seenggarakan oleh-nya di-bawah Undang<sup>2</sup> ini atau

tentang sabarang apa yang sampai ka-pengetahuannya dalam sabarang penyiasatan yang di-lakukan oleh-nya sabagai Pesurohjaya.

(7) Pesurohjaya boleh semasa atau sa-lepas penyiasatan sedemikian sabagaimana yang di-sebutkan dalam cheraian (1) menangkap atau menyuroh supaya di-tangkap sabarang orang yang di-shaki boleh di-dakwa kerana sabarang kesalahan yang di-lakukan di-bawah Undang2 ini mengenai sabarang perempuan atau gadis itu atau bangunan2 itu atau sabahagian daripada-nya dan boleh merampas dan menahan sabarang benda atau sabarang buku, dokumen atau kira2 yang ia mungkin mempunyai sebab untok memperchayai ada hubongannya dengan kesalahan tersebut.

**Kuasa penggeledahan.**

20. (1) Pesurohjaya atau Pegawai Polis yang berpangkat tidak kurang dari Merinyu 'am-nya atau yang di-beri kuasa khas sechara bertulis kerana maksud itu oleh Pesurohjaya atau sabarang pegawai lain yang di-beri kuasa yang demikian boleh memasuki, dan kerana maksud itu menggunakan kekerasan jika perlu, dan menggeledah sabarang tempat yang Pesurohjaya atau sabarang pegawai yang di-beri kuasa sedemikian mempunyai sebab yang munasabah untok memperchayai b a h a w a ada sabarang perempuan atau gadis yang boleh atau mungkin boleh di-selenggarakan di-bawah Bab 11, 14 atau 15 atau yang ia mempunyai sebab yang munasabah untok memperchayai bahawa kesalahan di-bawah Undang2 ini telah atau sedang di-lakukan, dan sabarang orang yang ada dalam sabarang tempat itu dan boleh memindahkan sabarang perempuan atau gadis itu ka-suatu tempat keselamatan untok di-tahan di-situ sahingga perkara-nya di-selideki. Dengan syarat bahawa orang perempuan tidak boleh di-pereksa melainkan oleh saorang perempuan dan dengan berhati2 tentang maruah.

(2) Pesurohjaya atau pegawai sedemikian yang di-sebutkan di-atas boleh memasuki, dan untok maksud itu menggunakan kekerasan jika perlu dan menggeledah sabarang tempat untok maksud menentukan sama ada di-dalam-nya ada sabarang

perempuan atau gadis yang boleh atau mungkin boleh di-ambil tindakan di-bawah Bab 11, 14 atau 15 atau sama ada sabarang kesalahan di-bawah Undang2 ini sedang di-lakukan, dan boleh memindahkan sabarang perempuan atau gadis itu ka-suatu tempat keselamatan untok di-tahan di-situ sahingga perkara-nya di-selideki.

**Kuasa menangkap dan merampas**

(3) Pesuruhjaya atau pegawai sedemikian yang di-sebutkan di-atas boleh semasa atau sa-lepas penggeledahan sedemikian yang di-sebutkan dalam cheraian2 (1) dan (2) menangkap atau menyuroh supaya di-tangkap sabarang orang yang dengan munasabah di-perchayai boleh di-dakwa kerana kesalahan yang di-lakukan di-bawah Undang2 ini mengenai perempuan atau gadis itu dan boleh merampas dan menahan sabarang benda atau sabarang buku, dokumen atau kira2 yang ia mungkin mempunyai sebab untok memperchayai ada hubongannya dengan kesalahan itu.

(4) Sabarang orang yang enggan membenarkan Pesuruhjaya atau pegawai yang tersebut di-atas masok ka-sabarang tempat itu, atau dengan chara lain menyekat atau menghalang-nya dari memasoki atau memindahkan sabarang perempuan atau gadis itu boleh di-kenakan hukuman denda sabanyak lima ratus ringgit atau penjara selama enam bulan atau kedua2-nya.

(5) Sabarang orang yang menyekat atau menghalang Pesuruhjaya atau pegawai yang tersebut di-atas dari merampas atau menahan benda2, buku2, dokumen2 atau kira2 tersebut boleh di-kenakan hukuman denda sabanyak dua ratus lima puluh ringgit atau penjara selama tiga bulan, atau kedua2-nya.

**Sharat berkenaan menyampaikan proses2 dll.**

21. (1) Semua proses, notis dan lain2 dokumen yang di-keluarkan di-bawah Undang2 ini hendaklah di-anggap telah dengan sah dan benar-nya di-sampaikan kepada orang yang di-maksudkan itu atau jika orang itu tidak boleh di-jumpai, jika, di-hadapan dua orang saksi, di-lekatkan pada bahagian yang nampak nyata di-tempat kediaman-nya yang

lazim oleh sabarang orang yang di-beri kuasa kerana-nya oleh Pesurohjaya.

**Tangkapan  
tanpa waran.**

(2) Pesurohjaya dan sabarang pegawai dari pejabat-nya dan semua pegawai polis boleh menangkap tanpa waran dan membawa kahadapan Majistret sabarang orang yang di-dapati melakukan sabarang kesalahan yang boleh di-hukum di-bawah Undang2 ini.

**Anggapan yang  
timbul dari  
waran2.**

22. (1) Tiap2 waran atau saman yang di-katakan telah di-keluarkan bagi melaksanakan Undang2 ini dan yang di-tanda-tangani oleh Pesurohjaya hendak-lah di-terima sabagai bokti keterangan dalam sabarang Mahkamah tanpa bokti yang selanjut-nya dan hendak-lah menjadi bokti sa-pintas lalu tentang hal yang tersebut di-dalam-nya.

(2) Segala perbuatan yang di-lakukan bagi melaksanakan waran atau saman tersebut hendak-lah di-anggap telah di-benarkan oleh Undang2.

**Sharat  
berkenaan surat2  
jaminan**

23. (1) Segala surat jaminan yang di-buat bagi melaksanakan sharat2 dari Undang2 ini hendak-lah di-buat dengan Pesurohjaya.

(2) Segala wang yang di-rampas oleh Pesurohjaya atas sabarang jaminan hendak-lah di-bayar ka-Jabatan Perbendaharaan untok faedah hasil Kerajaan.

(3) Pesurohjaya boleh kerana sebab2 yang di-chatatkan sechara bertulis oleh-nya, enggan menerima sabagai penjamin dalam sabarang jaminan di-bawah sharat2 dari Undang2 ini sabarang orang yang ia mempunyai sebab menyangka atau memperchayai sedikit sabanyak ada kaitan-nya dengan pembelian atau penjualan perempuan2 atau gadis2 untok maksud2 lachor atau dengan sechara lain sabagai saorang yang tidak layak. Sabarang orang yang tidak puas hati dengan penolakan Pesurohjaya di-bawah cheraian ini boleh membuat permohonan mengenai perkara itu kapada Mahkamah Tinggi, dan Mahkamah tersebut boleh sama ada mengesahkan penolakan Pesurohjaya atau boleh membuat perentah lain sabagaimana yang di-fikir-nya patut.

**Jawatankuasa  
Pembebasan**

24. (1) Menteri Besar boleh melantek untok sabuah tempat keselamatan satu Jawatankuasa Pembebasan yang akan menasehat dan membuat sokongan2 kapada Pesuruhjaya tentang pembebasan dan penyelenggaraan kemudian-nya bagi perempuan2 dan gadis2 di-tempat keselamatan itu.

(2) Jawatankuasa Pembebasan boleh di-lantek untok sabuah tempat keselamatan atau lebeh sabagaimana yang Menteri Besar fikirkan patut.

(3) Jawatankuasa Pembebasan hendak-lah terdiri dari lima orang, bahagian besar daripada mereka hendak-lah orang2 perempuan.

(4) Jawatankuasa Pembebasan hendak-lah mengkaji semua perkara perempuan2 atau gadis2 apabila mereka telah di-tahan selama enam bulan, dan boleh, salepas pengkajian itu, menchadangkan kapada Pesuruhjaya supaya sabarang kanak2 atau orang muda di-lepaskan atau di-bebaskan sechara surat pembebasan yang bersyarat.

(5) Pesuruhjaya dengan nasehat Jawatankuasa Pembebasan dan dengan tidak menghiraukan sabarang perintah yang di-buat oleh sabarang mahkamah, ada-lah berkuasa memerentahkan supaya di-lepaskan atau di-bebaskan sechara surat pembebasan bersyarat sabarang perempuan atau gadis yang telah di-tahan di-tempat keselamatan selama enam bulan, pada bila2 masa sebelum tamat tempoh tahanan-nya yang penoh dan dengan sharat2 saperti yang di-nyatakan oleh-nya dalam perintah tersebut.

(6) Sabarang perempuan atau gadis yang di-bebaskan dari tempat keselamatan sechara surat pembebasan bersyarat dengan perintah Pesuruhjaya, yang melanggar sharat2 surat pembebasan bersyarat-nya hendak-lah di-bawa kahadapan Pesuruhjaya yang berkuasa untok memerentahkan supaya di-hantar balek perempuan atau gadis itu ka-tempat keselamatan yang ia telah di-bebaskan, untok di-tahan di-situ selama bahagian tempoh tahanan yang asal yang belum selesai itu, kechuali

jika perempuan atau gadis yang berkenaan, oleh sebab sabarang perbuatan atau kelalaian yang dilakukan-nya semasa ia bebas sechara bersurat, menyebabkan dia boleh di-dakwa kerana sa-barang kesalahan, dalam perkara yang mana ia hendak-lah di-bawa kahadapan mahkamah yang tertentu.

Kuasa2  
membuat  
Atoran2

25. (1) Mentri Besar boleh membuat Atoran2 untok dan mengenai semua atau sabarang maksud2 atau perkara2 yang berikut :—

- (a) jagaan, tahanan, ketiadaan sementara, pemeliharaan dan pelajaran bagi perempuan2 dan gadis2 yang di-tahan di-bawah Undang2 ini;
- (b) chara dan sharat2 dengan dan di-bawah mana kuasa2 yang di-beri oleh Undang2 ini boleh di-jalankan oleh orang2 yang di-beri kuasa2 tersebut;
- (c) susunan, tugas2, kewajipan2 dan tata-chara Jawatankuasa Pembebasan; dan
- (d) 'am-nya berkenaan dengan sabarang perkara, sama ada yang serupa atau tidak dengan yang tersebut di-atas, yang mana ada-lah patut di-adakan Atoran2 untok melaksanakan tujuan2 Undang2 ini.

(2) Segala Atoran2 tersebut apabila di-buat hendak-lah di-siarkan dalam *Warta Kerajaan* dan dari tarikh siaran itu akan mempunyai kuatkuasa yang sama sa-olah2 saperti yang di-perbuat di-dalam Undang2 ini.

(3) Sabarang orang yang melanggar atau gagal menurut sabarang Atoran2 tersebut akan di-kenakan hukuman denda sabanyak lima ratus ringgit atau penjara selama enam bulan, atau kedua2-nya.

Rayuan

26. Sabarang rayuan dari sabarang perentah yang di-buat oleh Pesurohjaya di-bawah Bab 2 11, 14 atau 15 hendak-lah di-hadapkan kapada Mentri Besar yang keputusan-nya ada-lah mu'tamat dan tidak boleh di-soal dalam sabarang Mahkamah.

JUDIN BIN ASAR

*Jurutulis*  
*Majlis Mashuarat Negeri,*  
*Brunei.*